

4/5/82 4 MAY 1982

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

RENCANA PENGARANG

SELASA, 4 MEI, 1982

## PROJEK RAKYAT TIDAK TERJEJAS

SEBAGAI sebuah ekonomi terbuka negara kita tentulah tidak boleh bebas sema-sekali dari kesan kemelesetan ekonomi dunia. Kelembapan pertumbuhan ekonomi-ekonomi negara maju secara langsung mengurangkan permintaan untuk barang-barang eksport utama kita dan menjatuhkan harganya. Sementara inflasi yang berterusan meningkatkan pula harga barang-barang import ke negara ini. Hasilnya ialah kemerosotan yang semakin meruncing kepada imbangan perdagangan kita. Jumlah kekurangan dagangan yang hampir mencapai \$6 billion tahun lalu mencerminkan keadaan ini dengan jelasnya.

Namun demikian kita tetap beruntung kerana dalam keadaan yang sukar ini pun negara masih berjaya mengawal kadar inflasi di peringkat satu angka dan mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi kita pada kira-kira 8 peratus tahun lalu, berdasarkan harga tahun 1970. Tetapi dalam konteks inflasi dan

kemerosotan yang berterusan ini tentulah keupayaan kita untuk membendung inflasi dan mengekalkan kadar pertumbuhan yang tinggi ini akan menjadi semakin sukar. Oleh yang demikian langkah-langkah perlu terpaksa diambil untuk menentukan supaya kesihatan dan kemajuan ekonomi kita tetap terjaga.

Berdasarkan pertimbangan-pertimbangan inilah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mohamad, telah menekankan keperluan untuk seluruh program pembangunan RME itu disusun semula keutamaannya. Hakikat bahawa penyemakan perlu tidak payah dipersoalkan. Yang mungkin dipertikaikan ialah projek-projek yang manakah yang harus ditangguh atau dibekukan — tidak semestinya untuk selama-lamanya — dan yang manakah pula yang mesti diteruskan.

Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri, nampaknya, cukup jelas sekurang-ku-

rangnya tentang projek-projek yang tidak boleh dijejas. Projek-projek yang boleh mendatangkan faedah terus kepada rakyat tidak akan disentuh. Jaminan ini tentulah melegakan hati orang ramai. Dan kita boleh menduga bahawa projek-projek yang boleh membantu pertumbuhan ekonomi negara secara langsung juga akan diteruskan. Jadi yang tinggal ialah projek-projek infra-struktur dan projek-projek keselamatan yang terlalu mahal. Bagaimanapun, langkah Kerajaan untuk menggunakan sumber kewangannya dengan lebih teliti ini tidaklah akan penuh kesannya melainkan sektor swasta dan orang ramai sendiri memahami dan turut sama bersungguh-sungguh menjayakannya. Inilah suatu cabaran untuk kita semua. Kestabilan dan kemajuan ekonomi negara memerlukan semua pihak bertindak wajar dan bijak, khususnya pada waktu krisis.